

18 AUG 2002

Jakim-Nik Aziz

SIASATAN JAKIM DAPATI NIK AZIZ PERTAHANKAN ALLAH SAMSENG

PENDANG, 18 Ogos (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mendapati Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, masih mempertahankan kenyataannya yang menyifatkan Allah itu sebagai samseng.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata Jakim telahpun menyiasat Menteri Besar Kelantan itu tetapi pendiriannya tetap tidak berubah.

"Ini merupakan pembohongan oleh Nik Aziz dan Pas kerana mereka merasakan umat Islam tidak faham," katanya kepada pemberita semasa menghadiri majlis kesyukuran meraikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang. Turut hadir calon BN yang menang dalam pilihan raya 18 Julai itu, Datuk Othman Abdul.

Ketika ditanya tindakan yang boleh diambil terhadap Nik Aziz hasil daripada siasatan itu, Abdul Hamid berkata, tiada sebarang tindakan yang boleh diambil kerana Jakim bukannya badan penguatkuasa.

"Sifat-sifat dan nama-nama lain bagi Allah adalah yang baik-baik, terpuji dan elok belaka, mana ada nama Allah yang bermaksud sebaliknya," kata Abdul Hamid.

Mengenai kejadian seorang pemimpin Pas berebut-rebut untuk menjadi imam dan khatib ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Losong Haji Mohd Shafie di Kuala Terengganu pada Jumaat lepas, Abdul Hamid berkata tindakan itu menunjukkan pemimpin Pas itu gelojoh.

Beliau berkata, sikap berebut-rebut untuk mengimamkan sembahyang bukannya sifat sebenar seorang beriman, warak dan berpendidikan agama.

"Biasanya seorang ulama tidak bersifat sombong untuk menjadi imam, mereka akan merendah diri dan mempelawa pula orang lain untuk mengimamkan sembahyang, inikan pula berebut dan menghalang seseorang daripada menjadi imam," katanya.

Abdul Hamid berkata, pemimpin seperti itu hanya mahu mengambil kesempatan dan menjadikan mimbar masjid sebagai alat untuk menyampaikan mesej mereka.

-- BERNAMA

MNH JM MAI